

25 DISEMBER 2004

- BERITA HARIAN -

# Putra FM

## tiup semangat Cucu Pak Awang

PUTRA FM 90.7 menjadi salah satu jentera penyebaran maklumat bagi Universiti Putra Malaysia (UPM). Stesen radio yang beroperasi sejak dua tahun lalu di sekitar Lembah Klang itu bukan sekadar menjadi suara pusat pengajian tinggi terbabit malah mendekatkan lagi pendengar dengan pertanian dan penternakan. Selain program berciri pendidikan, Putra FM mengambil inisiatif menerbitkan kesinambungan drama bersiri yang popular di era 70-an berjudul Kebun Pak Awang. Sketsa radio yang kini dikenali sebagai Ladang Cucu Pak Awang menunjukkan kesungguhan stesen berkenaan menggunakan pendekatan yang lebih mesra pendengar. **HANISAH SELAMAT** bersama jurugambar **SURIANIE HANIF** menemui orang kuat di sebalik Putra FM, Muhammad Pauzi Abd Latiff.



**PENYUMBANG** suara untuk sketsa menjalani proses rakaman.

■ **Persada Seni (PS):** Boleh ceritakan serba sedikit mengenai Putra FM?

**Muhammad Pauzi (MP):** Stesen ini ditubuhkan sejajar dengan wawasan dan misi UPM ke arah universiti bertaraf dunia. Ia juga adalah satu-satunya stesen radio digital kampus yang pertama. Kami bertuah kerana meraih sokongan dari RTM dan Radio Malaysia Selangor serta mempunyai kemudahan seperti Bilik Kawalan Utama, Studio Rakaman, Bilik Suntingan, Bilik Konti, Alat Pemancar FM dan Antenna. Putra FM beroperasi sepenuhnya pada Ogos 2002 dan kini mempunyai tujuh petugas sepenuh masa.

■ **PS:** Bagaimana dengan penjadualan program sepanjang minggu?

**MP:** Putra FM beroperasi enam hari

seminggu kecuali Sabtu, bermula dari jam 12 tengah hari hingga

12 tengah malam. Istimewanya selain lagu popular masa kini, kami turut menyelitkan program pelbagai bahasa seperti Mentari Timur-Jepun, Putra Vannaggal-Tamil, Min Aina I-La Aina-Arab dan Horby Horses-Mandarin manakala hujung minggu suasana lebih santai dengan Cit Cat Kampus.

■ **PS:** Berkenaan dengan program yang dihidangkan kepada pendengar, siapa yang bertanggungjawab merencanakan setiap agenda?

**MP:** Sebenarnya setiap program yang disiarkan adalah berlandaskan matlamat asal penubuhan stesen

## SEMBANG SABTU

Bersama Muhammad Pauzi Abd Latiff

petugas yang diamanahkan mengendalikan stesen ini, penuntut juga memberikan buah fikiran mereka untuk memantapkan lagi stesen ini. Walaupun penyampai radio yang dianggotai penuntut sendiri diberi kebebasan menyampai maklumat mengikut kreativiti sendiri, kami masih membuat pemantauan. Apa apapun, segala-galanya mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan.

■ **PS:** Adakah radio ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar?

**MP:** Boleh dikatakan keseluruhan operasi bergantung kepada kreativiti mereka kerana ini

ini. Contohnya seperti kesinambungan sketsa radio Ladang Cucu Pak Awang. Bukan sekadar



**PAUZI** ingin Putra FM diterima masyarakat luar kampus.

*Walaupun penyampai radio yang dianggotai*

tugas kuliah. Kami mempunyai kira-kira 20 pelajar dari pelbagai fakulti yang mengendalikan program mengikut giliran. Mungkin mereka DJ tidak berbayar tetapi apa yang dapat saya lihat mereka bersemangat menimba ilmu dan mempraktikkannya. Sebelum ini petugas tetap dihantar menjalani kursus di Singapura dan Australia. Apabila pulang, mereka menyalurkan kemahiran itu pula kepada pelajar. Boleh dikatakan juga Putra FM antara penggilap bakat penyampai radio baru. Bakat yang kami gilap di sini antaranya ialah DJ red104.9. Nik Azura Mahmud.

■ **PS:** Berbalik kepada Ladang Cucu Pak Awang, mengapa timbul idea untuk menghidupkan drama radio ini semula?

**MP:** Kami melihat radio sebagai medium yang boleh diterima di mana-mana manakala Ladang Cucu Pak Awang pula menyalurkan pemahaman mengenai dunia pertanian secara santai. Kisah mengenai sebuah keluarga yang menjadikan pertanian sebagai sumber pertanian di Kampung Batu 23 Sungai Nibong Sekinchan, Selangor. Watak utama adalah Hafiz menjadi petani moden. Watak ini dijadikan model penduduk setempat dalam pertanian, penternakan dan perikanan. Cerita ini juga membabitkan tenaga pakar sebenar dalam sesuatu bidang.

■ **PS:** Boleh senaraikan barisan pelakon dan tenaga di belakang tabir produksi ini?

*penuntut sendiri diberi kebebasan menyampai maklumat mengikut kreativiti sendiri, kami masih membuat pemantauan. Apa apapun, segala-galanya mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan*

---

### Muhammad Pauzi

**MP:** Sebagai pemangkin utama, kami menonjolkan Radhi Khalid sebagai Hafiz selain Abdul Rahman Ismail yang memegang peranan sebagai Suwandi. Antara lain ialah Datin Siti Ramlah Jaafar (Saleha) dan Emi Nadia (Rujita). Skripnya pula dihasilkan oleh tenaga produksi yang pernah menghasilkan Kebun Pak Awang dan Keluarga Pak Awang. Hingga kini kami sudah menyiarkan 25 episod sejak dimulakan sekitar Julai lalu. Walaupun stesen ini hanya boleh diikuti di Lembah Klang, kami pasti sketsa ini mendapat sambutan memberangsangkan. Bagi yang ingin mengikuti Ladang Cucu Pak Awang, ia disiarkan setiap Jumaat, jam 5.30 petang di Putra FM dan juga RMS (100.9) manakala siaran ulangan pada Isnin, jam 5.30 petang.

■ **PS:** Apa perancangan Putra FM untuk tahun depan?

**MP:** Sebenarnya banyak yang kami lakukan demi memantapkan lagi stesen ini. Kami mahu orang luar turut mengikuti Putra FM kerana ia tidak sekadar radio kampus. Bagaimana pun, tumpuan tetap diberikan kepada Ladang Cucu Pak Awang kerana ia sebagai salah satu usaha kami mendekati lagi masyarakat dengan pertanian

menjadi petani moden. Watak ini dijadikan model penduduk setempat dalam pertanian, penternakan dan perikanan. Cerita ini juga membabitkan tenaga pakar sebenar dalam sesuatu bidang.

■ **PS:** Boleh senaraikan barisan pelakon dan tenaga di sebalik tabir produksi ini?

■ **PS:** Apa perancangan Putra FM untuk tahun depan?

**MP:** Sebenarnya banyak yang kami lakukan demi memantapkan lagi stesen ini. Kami mahu orang luar turut mengikuti Putra FM kerana ia tidak sekadar radio kampus. Bagaimana pun, tumpuan tetap diberikan kepada Ladang Cucu Pak Awang kerana ia sebagai salah satu usaha kami mendekati lagi masyarakat dengan pertanian.